

# Remaja



yang



# Terlupakan



**WAWASAN  
PENABUR**

# Remaja Yang Terlupakan

## Siapakah Mereka Sebenarnya?

Tajuk	: Remaja Yang Terlupakan
Penulis	: Lee Bee Teik ©2004
Penterjemah	: Jouslly Buaya
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr. Lee Bee Teik ialah pengasas dan direktor untuk Pelayanan Reconre ([www.reconre.org](http://www.reconre.org)). Beliau adalah seorang doktor perubatan terlatih tetapi mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya perubatan bagi mendampingi sepenuh masa anak-anaknya membesar. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan melayani hamba-hamba penuh masa Tuhan melalui pelayanan kaunseling dan retreat. Dr. Lee juga giat dalam pelatihan kaunseling bimbingan dan nasihat, serta memfasilitasi seminar & retreat peribadi atau kelompok kecil. Beliau adalah isteri Bishop (Dr.) Hwa Yung dari Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa.

Hakcipta © 2012 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

# Remaja Yang Terlupakan

Siapakah Mereka Sebenarnya?

**S**umber inspirasi dan garis panduan untuk buku ini diperolehi daripada bacaan "*Beyond the Cross and the Switchblade*"<sup>1</sup> dan pengalaman peribadi penulis yang telah membesar di dalam sebuah keluarga Kristian<sup>2</sup>.

## Pengenalan

**T**empat-tempat awam seperti kompleks membeli-belah, arked, pusat penjaja dan restoran adalah tempat yang banyak dikerumuni oleh remaja yang jauh melampaui apa yang datuk dan nenek mereka boleh bayangkan pada tiga dekad yang lalu. Ini terutamanya di bandar-bandar di Lembah Klang, Ipoh, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching. Oleh kerana itu, bagaimanakah kita boleh melupakan mereka sedangkan kita melihat mereka di mana-mana, walaupun kita tidak mempunyai anak-anak remaja di rumah? Siapakah remaja yang telah terlupakan ini? Mengapa mereka dilupakan dengan tidak sengaja? Mengapa kita menulis tentang mereka? Ini adalah beberapa soalan yang kita harap dapat dijawab dalam perbincangan pendek ini. Beberapa kes cerita akan dikongsikan supaya lebih mudah bagi kita mengenal pasti pergelutan mereka. Tetapi nama dan butiran telah ditukar untuk melindungi identiti orang-orang yang berkongsi kisah mereka.

## Siapakah Remaja Yang Terlupakan?

Mereka adalah anak-anak Kristian kita sendiri, walaupun ada yang mungkin tidak bersetuju. Mungkin kewujudan remaja Kristian yang terlupakan adalah masalah gereja-gereja di Barat. Mungkin gereja-gereja di Asia tidak seperti mereka. Walau bagaimanapun, jika kita membuka mata dan telinga kita semasa kita berada di gereja-gereja; atau jika kita mendengar pastor, pakar psikologi dan pakar psikiatri berkongsi mengenai kisah-kisah bimbingan remaja atau pesakit mereka, keraguan kita tentang kanak-kanak Kristian mempunyai keperluan yang khusus akan dapat diperjelaskan.

## Mengapa Mereka Terlupakan?

Apakah yang kita maksudkan apabila kita mengatakan bahawa ada remaja kita yang telah terlupakan atau terabaikan? Kita tidak sengaja melupakan mereka (sebab itu mereka bukan dilupakan), tetapi kita terlepas pandang mereka sehingga mereka dengan tidak sengaja telah terlupakan.

Mari kita belajar dari David Wilkerson, seorang yang dipakai Tuhan sebagai perintis misi di kalangan kanak-kanak jalanan sejak tahun 1960-an di Amerika. Dia telah menulis tentang kata-kata seorang remaja Kristian yang telah mengubah seluruh pelayanannya<sup>3</sup>. Pada tahun 1973, David berkhotbah di satu perhimpunan di Arizona. Semasa panggilan *alter* di akhir perhimpunan itu dibuat,

seorang gadis remaja naik ke atas pentas untuk mengambil mikrofon dan berkata:

*“Mr. Wilkerson, anda telah bercakap mengenai penyalahgunaan dadah, homoseksual, ketagihan alkohol, pemujaan syaitan. Semua ini adalah masalah ketagihan yang besar. Saya bersyukur kepada Tuhan bagi remaja-remaja yang telah dibebaskan daripada belunggu perhambaan ini. Tetapi, Mr. Wilkerson, saya pasti anda telah terlepas pandang dengan saya. Dan jika anda terlepas pandang akan saya, saya rasa anda mungkin telah terlepas pandang beratus-ratus lagi yang ada di sini. Kami tidak menghisap ganja, apatah lagi menyucuk jarum ke tangan kami. Kami tidak minum minuman keras. Kami bukan homoseksual. Dan kami benci kejahatan. Tetapi kami mempunyai masalah, ok. Kadang-kadang mereka menghalang perjuangan kami daripada diperhatikan. Tetapi Mr. Wilkerson, masalah kami seolah-olah sangat remeh jika dibandingkan dengan ketagihan yang berleluasa sehingga kami tidak berani untuk mengutarakannya. Jika anda ingin tahu kebenarannya, kami berasa kami telah menjadi remaja yang terlupakan.”*

David melihat gadis muda itu berpaling kepadanya dan tersenyum. Tetapi dia dapat melihat air mata yang mengalir di pipinya. *“Saya minta maaf Mr. Wilkerson, kerana saya terpaksa membangkitkan hal ini. Saya hanya berfikir yang anda perlu tahu mengenai apa yang kebanyakan kami rasakan.”*

Malam itu setelah kembali ke bilik motelnya, David tidak

dapat tidur. Mereka itu sebenarnya orang-orang muda yang akan menjadi ‘*Apostles of Prevention*’ (Rasul-rasul Pencegahan) di mana mereka akan menjangkau rakan sebaya mereka, remaja dengan remaja. Misi mereka begitu penting sekali. Satu hari nanti mereka mampu memberi tekanan kepada remaja sebaya mereka, “*Pengambilan dadah itu sesuatu yang tidak baik.*” Gadis remaja tadi telah menyedarkannya dengan masalah yang sebenar. Tetapi apakah masalah remaja Kristian ini?

Apabila remaja Kristian mahu melayani Tuhan tetapi mereka merasa tidak boleh, adakah ini disebabkan oleh beban berat dari rasa bersalah dalam hati dan fikiran mereka, tidak kira rasa bersalah itu adalah benar atau palsu?

David juga berkongsi bagaimana seorang gadis pernah berbohong kepada kawan-kawannya (yang pada masa itu sedang mengambil dadah), bahawa dia juga menagih heroin walaupun dia sebenarnya tidak tahu bagaimana dadah itu digunakan. Gadis tersebut mengaku berbohong kerana dia mendapati remaja yang menagih dadah akan mendapat semua perhatian, dan menggunakan dadah adalah satu trend yang popular di kalangan remaja pada masa itu.

Walaupun budaya Asia berbeza dengan budaya Barat, pengalaman David Wilkerson dengan remaja Kristian di Amerika mampu mengajar kita beberapa perkara:

1. Remaja yang dibesarkan di dalam keluarga Kristian (walaupun dalam keluarga yang sangat dingin dalam hal-hal rohani) mempunyai nilai-nilai baik yang telah

diajarkan kepada mereka di awal usia kanak-kanak. Oleh sebab itu, mereka jarang melakukan kesalahan yang ekstrim berbanding dengan remaja lain, walaupun ada juga segelintir daripada mereka yang melakukannya. Walau bagaimanapun, sebagai remaja biasa di dalam dunia yang tidak sempurna ini, mereka menghadapi masalah yang sama-sama dihadapi oleh kebanyakan remaja lain, tidak kira mereka berasal dari keluarga miskin, keluarga yang bercerai-berai ataupun tidak.

2. Bagaimanapun, mereka diharapkan dapat menjaga tingkah laku mereka di tempat umum, sama ada demi Tuhan (jika ibu bapa sangat taat dalam hal-hal kerohanian) atau demi nama keluarga mereka (seperti kebanyakan ibu bapa orang Asia). Oleh itu, sebagai anak-anak yang taat (suatu sikap yang mulia, sama ada ia disebabkan oleh budaya orang Asia atau ajaran Alkitabiah), mereka akan cuba sedaya upaya berkelakuan baik terutama sekali di khalayak ramai. Jadi, di manakah masalahnya?
3. Masalah itu bermula apabila mereka mencapai usia remaja yang *inginkan kebebasan* dan secara biologikal mengalami *peningkatan hormon seksual*. Kehidupan mereka mulai naik-turun seperti yoyo untuk beberapa tahun<sup>4</sup>. Ini mungkin seawal umur 11 tahun atau selewat-lewatnya 14 tahun.
4. Walau bagaimanapun, kerana mereka tidak menyatakan pergelutan mereka secara terus-terang kepada ibu bapa mereka atau para penasihat remaja, mereka

dianggap sebagai tidak ada masalah walaupun kenyataannya adalah sebaliknya. Ada di antara mereka pula terlalu segan untuk mendapatkan bantuan kerana:

*"Kami tidak merasakan masalah kami, contohnya keraguan, dorongan seksual, khayalan seksual, tekanan dari rakan sebaya di sekolah, atau takut akan masa hadapan kami ini terlalu penting berbanding dengan remaja-remaja lain yang dibantu oleh para pekerja sosial atau orang dewasa."*

5. Ramai juga daripada mereka yang telah diabaikan oleh ibu bapa Kristian yang terlalu sibuk melayani sebagai pemimpin-pemimpin di gereja atau kelompok-kelompok sel. Untuk melindungi imej ibu bapa mereka, ramai remaja Kristian tidak mendedahkan masalah mereka terutamanya kepada mereka yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti Kristian. Tambahan pula, ada di antara mereka yang memberitahu ibu bapa mereka, tetapi hanya mendapat jawapan yang sudah dijangkakan. Ini membuat mereka semakin menjauhkan diri dan berhenti bercakap di rumah. Ini seolah-olah menjadi satu masalah sejagat untuk anak-anak dari keluarga Kristian. Ia seolah-olah merentasi sempadan suku, budaya dan bangsa. Saya pernah bertemu dengan remaja seperti itu di empat benua. Saya juga telah melakukan kesilapan yang sama dengan tiga orang anak remaja saya. Bagaimana pula dengan anda? Adakah kita akan meminta maaf daripada anak-anak kita?



Semasa saya terus membaca penemuan-penemuan David Wilkerson tentang remaja-remaja Kristian di Amerika dalam tahun 70-an, dan saya terus merenung perkara ini di hadapan Tuhan; fikiran saya tertumpu kepada remaja-remaja Kristian yang saya kenal di Malaysia. Nampaknya masalah remaja yang terlupakan itu sama dengan pengalaman-pengalaman rakan-rakan remaja saya walaupun setiap gereja tempatan memiliki keunikannya tersendiri.

**Kes 1:**

*Semasa panggilan alter di gereja saya, Tuhan telah menyentuh hati saya dan saya ingin sekali mengangkat tangan saya sebagai tanda respon kepada panggilan Tuhan untuk pertaubatan. Saya tidak pasti adakah itu untuk keselamatan atau komitmen sepenuhnya kerana umur saya waktu itu hanya sekitar 9-10 tahun. Tapi pada masa itu saya tahu saya telah melakukan banyak perkara yang salah, seperti menendang anak itik peliharaan kakak saya kerana ayam peliharaan saya telah mati. Semasa di gereja pada malam itu, saya membuka mata saya dan melihat di sekeliling saya. Saya teragak-agak untuk merespon secara terbuka kerana saya tidak pasti bagaimana ibu saya dan rakan-rakannya akan berfikir. Bukankah saya sudah menjadi seorang Kristian? Mereka akan fikir saya ini sangat teruk kerana telah berdosa dan itu akan memalukan ibu bapa saya. Ibu mungkin akan marah saya kerana itu. Saya tidak tahu apa yang perlu dilakukan seterusnya. Dan saya simpan sahaja pemikiran tersebut di dalam hati saya selama bertahun-tahun.*

**Kes 2:**

Ayah saya adalah seorang pemimpin di gereja. Dia seorang ahli perniagaan yang baik dan murah hati yang bekerja keras untuk membesarkan lapan orang anak. Dia sangat menyayangi isterinya tetapi tidak dapat berhenti daripada tabiat berfoya-foya. Ibu masih dapat menerima hakikat ini sehinggalah ayah mempunyai keluarga lain. Hati Ibu hancur berkecai. Ibu biasanya mengadu kepada kawan-kawan dan saudara mara kerana Ayah mengabaikan rayuannya. Akhirnya, Ayah telah digantung daripada gereja kami. Walaupun tindakan jawatankuasa gereja adalah benar, keputusan yang dibuat oleh mereka sangat menyakitkan dan memalukan Ibu. Sebagai orang yang percaya, kesakitan Ibu makin terasa apabila dia mendapat tahu bahawa ada beberapa orang pemimpin lain di gereja yang sama juga mempunyai perempuan-perempuan simpanan tetapi tidak dikenakan tindakan tatatertib sama sekali. Mereka juga lebih kaya dan lebih berpendidikan. Bagaimana pula perasaan saya sebagai seorang kanak-kanak yang mula memasuki alam remaja? Dengan siapa saya dapat bercakap tentang kesakitan saya? Bagaimana saya boleh memperjelaskan kekeliruan saya sebagai seorang anak perempuan kepada seorang ahli perniagaan Kristian yang terkenal? Bagaimana pandangan saya terhadap pemimpin-pemimpin gereja yang memihak kepada ahli jemaat gereja yang lebih berpendidikan dan kaya? Saya menelan kepedihan saya semasa saya melihat kepedihan Ibu saya. Tiada seorang pun yang saya rasakan cukup selamat untuk berkongsi walaupun ada beberapa orang guru Sekolah Minggu yang prihatin.

## Harus Bercakap Dengan Siapa?

Oleh kerana ramai anak-anak Kristian tidak dapat mencari penghiburan daripada ibu bapa mereka dan mereka berasa tidak selesa bercakap dengan orang dewasa lain kerana mengelakkan pengkhianatan ke atas rahsia mereka, mereka cenderung untuk bercakap kepada diri mereka sendiri. Sememangnya jenis percakapan ini senyap sahaja kerana ia hanya berlaku dalam fikiran mereka. Beberapa percakapan sendirian yang biasanya berlaku di kalangan remaja yang terlupakan mungkin seperti berikut...

*“Bercakap dengan rakan-rakan sekolah?*

*Mereka akan mentertawakan saya dan mereka tidak akan mahu mengenali Yesus kerana orang Kristian sepatutnya adalah orang yang penyayang dan menjadi contoh yang baik kepada orang lain.”*

*“Bercakap dengan kawan-kawan di gereja?*

*Tidak sama sekali! Semua kanak-kanak (remaja) lain nampaknya OK sahaja dan mungkin tidak memahami dilema saya.”*

*“Orang dewasa di gereja?*

*Tetapi Ayahkan seorang pemimpin .... ini akan menyebabkan keluarga mendapat malu dan sudah tentu saya akan dimarahi nanti!”*

*“Guru-guru?*

*Saya tidak pasti sama ada mereka akan memahami. Nanti seluruh sekolah akan tahu dan berfikir saya bermasalah dan*

*pelik ... jika ibu bapa saya tahu yang saya telah memberitahu orang luar, habis-lah!”*

*“Jadi ... lebih baik ‘tahan’ sahaja dan sembunyikan kesakitan saya. Lebih baik saya menangis bersama bantal saya, kemudian berdoa dengan senyap kepada Tuhan untuk pelepasan dari masalah yang hanya ibu bapa saya sahaja yang boleh menyelesaikannya... tetapi mereka tidak akan bertindak sedemikian! Adakah saya marah? Mungkin ... Dengan siapa? Diri saya sendiri? ...ayah dan ibu? .... dan mungkin Tuhan ... tetapi ... OH TIDAK! Orang Kristian yang baik tidak akan marah pada Tuhan kerana Dia sentiasa betul!”*

### **Siapakah Ibu Bapa Remaja yang Terlupakan?**

- Mereka adalah ahli gereja yang dari luar kelihatan seperti orang Kristian yang baik dan prihatin.
- Mempunyai minat yang kurang dalam anak-anak mereka dan menafikan bahawa anak-anak mereka mempunyai masalah.
- Jika diberitahu bahawa anak-anak mereka memerlukan bantuan, mereka akan menyalahkan orang lain untuk mengelakkan diri mereka dipersalahkan. Contohnya mereka menyalahkan anak mereka salah memilih kawan, sistem pendidikan yang semakin teruk, media, kelompok-kelompok di gereja, peristiwa yang traumatik.
- Membandingkan anak mereka yang “nakal” dengan adik-beradik mereka yang “tidak bermasalah” untuk menunjukkan bahawa mereka sebenarnya bukanlah ibu bapa yang tidak baik.

**Kes 3:**

Mandy mempunyai seorang ayah yang sangat dominan. Ayah akan menyalahkan Ibu untuk setiap kekecewaan yang dia hadapi. Akhirnya Ibu cuba melindungi dirinya dengan mengabaikan Ayah dan mula melibatkan diri dengan hobi-hobi di luar rumah. Bagaimanapun, dia terlalu asyik dengan kepedihannya sendiri sehingga dia mengabaikan penjalinan perhubungan erat dengan anak-anaknya apabila mereka memasuki usia persekolahan. Pada mulanya, Ayah sangat bangga dengan dua orang anaknya tetapi dia akhirnya kerap menghukum mereka walaupun untuk kesilapan yang kecil. Keinginan untuk mencapai sempurnaan yang melampau telah mengkhianati dirinya sendiri. Dalam tahun-tahun usia remaja, abang Mandy yang bernama Johnny kerap ponteng sekolah dan akhirnya gagal dalam peperiksaan, walaupun dia seorang yang sangat pintar. Kemudian dia tidak lagi mahu bercakap dengan orang yang lebih dewasa di rumah. Mandy pula mula melawan, mencuri dan membuli orang lain di sekolah.

## Perbezaan Di Antara Remaja Yang Miskin Dan Yang Kaya

Pemerhatian saya mendapati remaja-remaja yang miskin lebih menerima tanggungjawab sendiri untuk masalah-masalah mereka, manakala remaja-remaja yang lebih kaya cenderung untuk menyalahkan rakan-rakan mereka bagi kesalahan-kesalahan mereka. Ini seolah-olah melampaui umur, latar belakang atau bangsa.

Jika remaja-remaja miskin berasa tidak signifikan untuk membebaskan orang dewasa dan cenderung untuk berkata “Tidak” bagi apa sahaja jenis bantuan yang ditawarkan, remaja-remaja yang lebih kaya mempunyai sumber kewangan untuk berjumpa dengan pakar-pakar bagi mendapatkan bantuan melalui sistem yang ibu bapa mereka fikir boleh membantu mereka. Ini termasuklah menghadiri kursus pembangunan diri, kelas-kelas tuisyen, menerima terapi dari pakar psikologi atau menghadiri kem Scripture Union.

Tetapi bantuan ini bukanlah perkara-perkara teknikal sahaja, seperti yang dimiliki oleh remaja-remaja yang lebih kaya! Kalau begitu, adakah para remaja dari kelas pertengahan sebenarnya adalah lebih baik?

Dalam analisis terakhir, setiap kita orang dewasa harus melakukan yang terbaik untuk membantu remaja-remaja yang kita kenal, sama ada mereka adalah anak-anak kita sendiri atau bukan. Sekadar bercakap tentang masalah dan keperluan mereka sahaja tidak akan dapat membantu mereka dalam kesibukan masyarakat yang semakin meningkat.

Remaja-remaja yang terlupakan ini selalunya berasa seperti bersuara di padang gurun. Jika tidak ada seorangpun yang memberi respon kepada permintaan pertolongan mereka, semua mereka (baik miskin ataupun kaya) akan melihat masalah mereka sebagai satu masalah yang tidak signifikan untuk dinyatakan atau diberi bantuan. Walau bagaimanapun, mereka akan terus berasa bersalah dengan tindakan tersembunyi, fikiran dan pergolakan emosi mereka. Di sinilah pemahaman tentang

bahagian kalam keadaan yang mereka hadapi boleh membawa penerangan kepada kita, sesuatu penerangan yang Tuhan telah berikan kepada David Wilkerson.

Tiba-tiba David dapat melihat satu penyelesaian bagaimana untuk menjangkau para remaja. Dia menyedari pengaruh rakan sebaya adalah lebih kuat daripada pengaruh kumpulan umur yang lain.

**Pertanyaan:**

Jika remaja Kristian mengenali Kristus dan kebenaran serta kasih kurnia-Nya, mengapa mereka tidak mahu mengasihi rakan-rakan mereka untuk Dia?

**Jawapan:**

Banyak remaja Kristian kita merasa tidak berdaya untuk menjangkau rakan-rakan mereka kerana mereka telah dilumpuhkan oleh perasaan bersalah di dalam diri mereka. Belunggu untuk melayani Tuhan yang mereka kasihi adalah kesedaran yang kuat akan dosa di dalam diri mereka. Tabiat buruk itu seolah-olah terlalu sukar untuk mereka singkirkan, walaupun mereka cuba berulang kali untuk menghentikannya. Ramai di antara mereka sebenarnya membenci diri mereka sendiri. Tetapi mereka tidak pula mengaku dosa-dosa dan tabiat yang membebaskan mereka itu. Mereka terlalu takut untuk berbuat demikian tanpa terlebih dahulu mengetahui seseorang yang mereka rasa dapat memahami, menerima dan tetap berkawan dengan mereka ketika mereka cuba untuk kembali mendekati Tuhan. Membina kepercayaan mengambil masa, terutama bagi mereka yang mempunyai ibu bapa yang sangat tegas, atau yang tidak ambil peduli, keliru dan selalu berkelahi.

### **Penyelesaian:**

Sebab itulah penyelesaian untuk menjangkau para remaja yang bermula dengan orang dewasa, terutama ibu bapa, harus diberi perhatian yang serius. Apabila remaja yang terlupakan ini merasa diampuni, dikuduskan, disayangi dan berasa selamat dengan ibu bapa (atau lain-lain bentuk kasih sayang keibu-bapaan), mereka akan dibebaskan dan akan terbang tinggi bersama Kristus yang telah sekian lama mereka kenali! Mereka akan bebas untuk melakukan kesilapan, dengan mengetahui bahawa Tuhan dan ibu bapa mereka akan sentiasa mengampuni dan menerima mereka. Kemudian mereka akan mempunyai kuasa kasih kurnia untuk mengawal diri mereka semasa menghadapi godaan dan percubaan, kerana musuh Allah tidak boleh menuduh mereka lagi. Allah Bapa mengetahui segala-galanya mengenai mereka tetapi tetap akan mengampuni, menyuci dan mengasihi mereka (1 Yonahes 1:8 -10). Mereka tidak perlu berpura-pura bahawa mereka OK. Begitu juga dengan ibu bapa mereka. Dr. D.A. Seamands yang juga seorang pastor, menyebut pelepasan ini sebagai “merdeka dari jerat lakonan”<sup>5</sup>.

### **Kes 4:**

*Tom adalah seorang budak sekolah swasta yang berumur 13 tahun. Dia sering muncul di sekolah dalam keadaan yang tidak terurus. Kerja sekolahnya semakin merosot, jauh daripada paras kepintarannya. Ayahnya mempunyai sebuah bisnis manakala ibunya bekerja untuk orang lain. Dia mempunyai seorang abang yang periang sementara dia adalah seorang pendiam tetapi lebih sensitif terhadap*



keperluan orang lain. Kesemua mereka melayani di sebuah gereja independen yang "baik". Apabila dirujuk untuk kaunseling, secara sedikit demi sedikit Tom mula berkongsi tentang keluarganya.

Ayahnya pernah bercerai dan daripada perkahwinan sebelumnya, dia mempunyai dua orang anak lelaki dewasa yang sudah berdikari. Dia mencintai isteri keduanya dan kedua-dua anak daripada perkahwinan keduanya. Walau bagaimanapun, dia seorang yang panas baran dan isterinya tidak dapat menerima sikap tersebut. Akhirnya, ibu Tom menjalinkan perhubungan sulit dengan bosnya. Hati ayah Tom hancur dan dia memohon maaf untuk kesalahannya. Tetapi itu tidak dapat memujuk isterinya untuk memutuskan hubungan itu. Pastor mereka cuba untuk membantu tetapi sia-sia. Dia hanya mampu menghibur ayah Tom yang terluka. Abang Tom menahan semua kelukaannya dengan bersosial di luar rumah. Tom pula cuba untuk menjadi seorang anak yang taat kepada ibu bapa.

Apabila pertama kali saya bertemu dengan Tom, dia tidak menitikkan air mata dan tidak ada tanda-tanda sedih di wajahnya. Walau bagaimanapun, pada suatu hari Tom tiba-tiba berkata tanpa berfikir, "Setiap kali saya melihat teman lelaki ibu saya, saya ingin membunuhnya!"

Ibu bapa Tom telah dipanggil untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai laporan sekolahnya yang kian merosot. Ayahnya tidak hadir. Ibunya hanya sekadar membincangkan prestasi kerja sekolah Tom.

*Kaunselor sekolah tidak dapat memulakan dengan mendedahkan apa yang Tom telah kongsi kerana Tom sangat takut ibu bapanya tahu tentang apa yang dia telah hebahkan. Sebelum bantuan dapat ditawarkan, ayah Tom telah memberhentikan dia dari sekolah untuk membantunya di kedai. Satu lagi remaja yang terlupakan ditambah ke dalam senarai panjang. Apakah perasaan anda? Bagaimana perasaan Yesus? Siapakah yang pertama sekali kita harus bantu? Ibu bapa atau remaja tersebut?*

## Untuk Ibu Bapa

### Bagaimana Membantu Remaja Yang Terlupakan Supaya Mereka Merasa Dihargai Lagi <sup>6</sup>


1. *Meluangkan masa untuk mendapatkan kepercayaan dan membantu mereka untuk mengenalpasti masalah mereka.*

Ibu bapa mungkin boleh membuat penjadualan supaya mereka dapat meluangkan lebih banyak masa di rumah untuk anak-anak remaja mereka sebelum mereka masuk ke alam kolej atau pekerjaan. Walaupun remaja mungkin menunjukkan sikap seperti tidak mahu sentiasa diperhatikan oleh ibu bapa mereka, tetapi jauh di dalam hati mereka berasa lebih selamat sekiranya ibu bapa ada di sekitar mereka, selagi mereka berasa tidak tertekan dengan banyak peraturan yang harus dipatuhi. Contohnya, daripada mengarahkan mereka untuk berhenti bermain muzik yang bising di rumah, ibu bapa boleh memberitahu

mereka jenis muzik yang mereka gemari. Satu idea yang baik ialah mereka boleh memainkan muzik atau lagu-lagu kegemaran generasi masing-masing secara bergilir. Sebenarnya, ramai remaja tidak berasa keberatan untuk cadangan-cadangan yang praktikal. Begitu juga dengan seorang remaja lelaki yang memutuskan untuk menyimpan rambut panjang. Ibu bapa mungkin boleh belikan beberapa band getah yang sesuai untuk dia. Ini akan menunjukkan bahawa kita tidak kisah dia berambut panjang asalkan dia kelihatan kemas.

### Kunci Pertama:

Elakkan perdebatan yang tidak perlu untuk perkara-perkara yang tidak penting, tetapi berlaku tegas untuk perkara-perkara yang penting.



Untuk perkara-perkara tentang prinsip,  
berdirilah seperti batu;  
untuk perkara-perkara tentang cita rasa,  
mengalirlah mengikut arus.

~ Thomas Jefferson

## 2. *Pertimbangkan bagaimana membantu remaja menyelesaikan masalah dengan mengikuti cara mereka*

Ada beberapa masalah yang biasa dihadapi oleh golongan remaja:

## I. Bimbang tentang kelemahan dan dosa-dosa peribadi

- a. Hal-hal Seksual – bersentuhan, persetubuhan dan melancap. Kerana seks sebelum perkahwinan adalah dilarang di dalam Alkitab, remaja yang tidak mempunyai sesiapa untuk membimbing mereka akan beralih kepada melancap. Kadang-kadang ini dilakukan sebagai satu cara untuk mereka melepaskan rasa tertekan, contohnya semasa musim peperiksaan. Ini juga biasa berlaku kepada mereka yang pernah didera secara seksual di awal zaman kanak-kanak mereka. Bagi mereka yang pernah didera secara seksual, melancap dilakukan untuk memberi kelegaan palsu bagi rasa bersalah mereka. Kita tidak membenarkan dosa melalui penjelasan ini tetapi merayu supaya memahami remaja kita dengan mendapatkan bantuan daripada orang dewasa untuk membebaskan mereka daripada belunggu fantasi yang tidak sihat. Kebanyakan lelaki mendapati sukar untuk bercakap dengan anak-anak mereka tentang masalah ini, manakala sesetengah ibu merasa selesa untuk berbuat demikian dengan anak-anak lelaki dan perempuan mereka.
  
- b. Dadah dan alkohol - terutamanya apabila mereka kelihatan sangat dihormati di hadapan rakan-rakan sebaya mereka. Walau bagaimanapun, “hanya segelas minuman keras” sahaja boleh membawa kepada kemabukan atau ketagihan yang berpanjangan. Sekiranya ibu bapa tidak mahu anak-anak mereka minum, mereka juga harus menjauhkan diri daripada minuman keras.

- c. Merokok - satu lagi pembunuh perlahan bukan sahaja kepada si perokok tetapi juga mereka yang terdedah kepada asap rokok.

Disebabkan rasa bersalah tentang ketagihan kepada sesuatu secara rahsia, ramai remaja merasa ragu-ragu untuk berkongsi Injil Kristus kepada rakan-rakan mereka. Ini adalah kerana mereka tidak mahu menjadi seorang yang hipokrit atau munafik. Oleh sebab itulah mereka mendapati sukar untuk melawan secara terbuka isu-isu homoseksualiti, berzina dan dadah di kalangan rakan-rakan sebaya mereka kerana dia akan menjadi hipokrit untuk berbuat demikian sebab mereka juga 'telah berdosa', walaupun dalam cara yang berbeza. Jadi remaja sebenarnya adalah lebih *real* daripada orang dewasa!

### Kunci Kedua:

Potensi misi untuk menjangkau remaja oleh golongan remaja akan menjadi sia-sia jika remaja yang terlupakan tidak dibebaskan daripada belunggu rasa bersalah yang benar dan palsu.

## II. Bimbang tidak dapat bergaul dengan orang lain, terutamanya ibu bapa

David Wilkerson mendapati bahawa bertentangan dengan kepercayaan umum, remaja yang terlupakan sebenarnya mahu bergaul dengan orang lain, terutamanya ibu bapa mereka. Ini adalah kerana

hukum yang terutama Yesus ialah tentang mengasihi Allah dengan segenap hati, segenap jiwa, seluruh fikiran dan segenap kekuatan kita, dan mengasihi sesama manusia seperti diri kita sendiri.

Kepada ibu bapa: percayalah bahawa Allah ada di sisi anda. Mukzijat masih berlaku pada hari ini! Percayalah bahawa janji Allah di Maleakhi 4:6 akan dipenuhi satu hari nanti – di mana ibu bapa dan anak mereka akan mengetahui pertaubatan yang sebenarnya.

- Ini bermakna bahawa remaja wajib mengasihi ibu bapa dahulu tanpa menunggu ibu bapa mereka membuat langkah yang pertama. Tindakan ini bukan sahaja merendahkan diri (dan kerana itu, diterima oleh Allah) tetapi juga adalah budaya orang Asia (dan kerana itu, diterima oleh ibu bapa).
- Ini juga bermakna bahawa mereka harus membenarkan ibu bapa mereka membuat kesilapan kerana ibu bapa bukanlah manusia yang sempurna, walaupun kadang-kadang ibu bapa berfikir mereka adalah sempurna!

### **III. Bimbang tentang masa hadapan dunia**

Berita tragik yang dilaporkan setiap hari juga membimbangkan mereka. Kadang-kadang mereka merasa tidak berupaya dengan peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka dan di dalam dunia ini.

Kepada ibu bapa: Ingatkan anak remaja anda

dengan kata-kata Yesus mengenai akhir zaman. Dia mengetahui segalanya dan Dialah yang berkuasa atas segalanya (Markus 13:32). Remaja-remaja kepunyaan Allah tidak perlu memilih untuk keluar dari sekolah atau berhenti bekerja untuk masuk ke ladang misi bagi mempercepat kedatangan Tuhan! Ada banyak hal lain yang boleh dilakukan untuk Tuhan dalam masa yang sedikit ini!

- Ini akan membolehkan remaja melihat peranan peribadi yang diberikan oleh Tuhan kepada di dalam rancangan penebusan-Nya. Alangkah istimewa dan menariknya rancangan Allah untuk mereka!
- Matius 24:42 menggesa kita untuk berjaga-jaga (misalnya peristiwa-peristiwa dunia).
- Titus 2:13 memanggil kita untuk menanti dan melihat (iaitu memberi tumpuan kepada apa yang anda boleh lakukan).
- Ibrani 9:28b mengingatkan kita untuk mengharap (iaitu harapan yang akan ditunaikan oleh Allah)

## Apakah Yang Harus Ibu Bapa Kristian Lakukan?

### Prinsip 1

**M**emahami bahawa remaja yang terlupakan sangat terdesak sebelum mereka mendapatkan bantuan. Mereka akan menimbangkan segala kebaikan dan keburukan yang akan menyebabkan mereka tidak kebal. Jadi, perhatikan mereka dengan penuh kasih sayang dan

kesabaran. Luangkan banyak masa bersama mereka, walaupun anda hanya menjadi pendengar yang baik untuk mereka.

Contoh: Apabila tiba masa yang tepat, anda boleh bertanya kepada mereka kalau mereka benar-benar mahu keluar daripada masalah ketagihan?

Jika Tidak



Sekurang-kurangnya dia mengakuinya.

Jika Ya



Tuhan akan datang dan membebaskannya.

### Kes 5

*Peter pernah didera secara seksual oleh seorang pengasuh kanak-kanak semasa dia masih kecil. Dia sering melancap tanpa merasa bersalah setiap kali dia berasa kesepian. Sebagai seorang remaja yang banyak membaca buku, dia mula menyedari bahawa tabiatnya adalah satu kelemahan manakala fantasi seksualnya adalah satu dosa. Tetapi dia tidak dapat membebaskan dirinya daripada perkara itu, walaupun dengan disiplin yang ketat dan beberapa kali meminta pengampunan dari Tuhan. Melalui buku yang ditulis untuk remaja oleh seorang penulis Kristian, dia mula mengerti bahawa kerosakan kepada emosinya datang daripada pengalaman awal zaman kanak-kanaknya dengan seseorang yang dia percaya dan hormati dan menganggapnya sebagai ibu. Dia juga mula mengerti tentang hubungan kasih dan benci dengan bekas*



*pengasuhnya. Kini dia telah dibebaskan daripada kebiasaan ketagihannya itu melalui pertaubatan, pengampunan, pemahaman, rahmat penyembuhan dan pembaharuan fikiran oleh Roh Kudus yang telah membaharui fikirannya. Kebebasan baru yang ditemuinya telah membolehkan dia mampu memberi nasihat dan berdoa untuk orang lain tanpa berasa hipokrit lagi.*

## Prinsip 2

**D**apatkan bantuan dari luar untuk mengecapi kemenangan. Di mana dua atau tiga orang berdoa bersama, Tuhan Yesus ada bersama mereka.

### **Kes 6:**

*Betty, Johnny dan Jerry adalah tiga adik-beradik yang sudah remaja. Mereka membesar dalam suasana keluarga Kristian yang tidak menentu. Ini adalah disebabkan oleh keadaan mood ibu mereka yang naik turun selama bertahun-tahun. Ayah mereka adalah seorang yang tegas dan panas baran. Dia tidak memahami isterinya dan sering berasa kecewa dengan hobinya yang sering berubah. Oleh itu, dia sering kali melepaskan kemarahannya ke atas isteri dan tiga orang anak mereka yang taat.*

*Selepas lebih daripada 15 tahun, perubahan mood ibu mereka menjadi lebih parah akibat tekanan hidup. Dia kemudian mula membalas kemarahan suaminya dan mula menjadi ganas juga. Ayah mereka akan memarahinya tetapi berusaha untuk tidak memukulnya. Tiga budak*

remaja yang bertimbang rasa dan prihatin terhadap ibu mereka akan cuba melindunginya, dan pada masa yang sama cuba patuh kepada ayah mereka yang garang. Mereka adalah pengawal yang bertanggungjawab secara tidak langsung tentang keamanan di rumah. Dari sisi lain, mereka juga bertindak sebagai 'ibu bapa' kepada ibu bapa mereka.

Dari sudut pandangan seorang pemerhati, mereka adalah sebuah keluarga yang berbakat dan merupakan contoh yang baik kepada orang lain di gereja. Walau bagaimanapun, pada satu peringkat kritikal dalam kehidupan keluarga ini, ibu mereka telah meminta pertolongan dari kawan-kawan Kristiannya. Mereka dengan sudi telah memberi dorongan melalui doa, menjadi pendengar, penasihat rohani dan memberi bantuan secara praktikal, misalnya merujuk dia untuk rawatan perubatan. Keupayaan keluarga ini untuk terbuka kepada bantuan orang-orang di luar keluarga telah menyelamatkan mereka daripada masalah, dan nama Tuhan juga telah dimuliakan.

### Prinsip 3

Ajar mereka untuk mempercayai Yesus yang menjanjikan pembebasan; bercakap kepada Yesus tentang masalah mereka dan mengharapkan mukjizat. Mereka perlu mengetahui bahawa mereka tidak boleh menghapuskan dosa dan kelemahan dengan kekuatan mereka sendiri.

**Kes 7:**

David Wilkerson ada menyebut tentang seorang gadis sekolah menengah yang pernah tidur dengan teman lakinya selama beberapa bulan. Selama bersama-sama, dia tahu bahawa hubungan itu adalah salah tetapi dia tidak dapat menahan godaan setiap kali mereka bertemu secara rahsia. Akhirnya, dia meminta pertolongan dari Tuhan. Tidak lama lagi, ayah budak lelaki itu telah dipindahkan ke bandar lain oleh syarikatnya. Walaupun budak lelaki itu berjanji untuk kembali, gadis itu secara lembut tetapi tegas menolak rayuan lelaki itu dan perhubungan mereka pun mati dengan sendirinya. Mukjizat? Sudah tentu! Walau bagaimanapun, definisi itu bergantung kepada sama ada anda benar-benar percaya bahawa Tuhan mengambil berat terhadap anda dan Dia lebih besar daripada segalanya untuk terus melakukan mukjizat bagi anda.

**Wahai Remaja Yang Terlupakan,**

Cabaran Yesus kepada anda ialah:  
**Bangun dan lawanlah dosa. Bangkitlah untuk Yesus!**

Jadilah 100% kepunyaan-Nya : Wahyu 3

Pandanglah kepada-Nya : Filipi 4

Tuhan empunya ladang memerlukan  
penuai untuk tuaian: Yohanes 21

## Renungan untuk Remaja

1. Adakah anda pernah berasa anda seperti remaja yang terlupakan?

Bila dan mengapa anda berasa seperti itu?

Adakah anda masih berasa seperti itu sekarang?

2. Berbicaralah dengan Yesus tentang memori anda. Dia pasti dapat memahami kerana Dia juga pernah menjadi seorang remaja yang terlupakan ketika Dia berusia 12 tahun!
3. Adakah anda mempunyai sesuatu yang anda tidak suka tentang diri anda sekarang? Adakah itu dinyatakan dalam mana-mana bahagian di dalam buku ini? Jika tidak, adakah anda dapat mengenal pastinya atau itu hanya satu perasaan yang kabur (contohnya ketagihan seks, suatu konflik hubungan, takut tentang masa depan kerana masalah kewangan, penyakit atau ibu bapa bercerai)?

4. Jika anda tidak boleh berbuat apa-apa tentang jawapan anda di No. 3, mahukah anda membiarkan Yesus melakukan suatu mukjizat di dalam hidup anda supaya anda dibebaskan daripada keruncingan ini? Jika anda terus mempercayai Dia, Dia boleh merancang keadaan untuk kebaikan keluarga dan anda. Berbicaralah dengan Dia tentang hal itu. Dia telah berjanji untuk menjadi sahabat anda (Yohanes 15).
  
5. Adakah anda mampu untuk membantu diri anda dengan menggunakan garis panduan di atas? Jika ya, bolehkah anda bermula sekarang? Jika tidak, mahukah anda mendapatkan seseorang (rakan sebaya atau orang dewasa) untuk membimbing anda dan berdoa dengan anda? Saya yakin ini akan menyenangkan Yesus.
  
6. Setelah Yesus membebaskan anda dari belunggu perhambahan, mahukah anda membantu dan mencegah orang lain daripada menjadi remaja yang terlupakan? Tulis cadangan dan keputusan anda dan bicaralah dengan Tuhan tentang hal itu.

## Sebuah Doa

Ya Allah, Bapa kami yang kekal melalui Yesus Kristus, Sahabat saya.

Dengan rendah hati saya datang kepada-Mu untuk mendapatkan pertolongan. Saya berharap Engkau tidak akan memberi reaksi yang sama seperti beberapa orang dewasa lain apabila saya bercakap dengan mereka. Terus terang, kadang-kadang saya tidak berani untuk datang kepada-Mu kerana saya takut kepada Engkau. Para pengkhotbah dan penasihat remaja memberi saya gambaran bahawa saya mesti menjadi kudus terlebih dahulu sebelum Engkau mahu mendengar doa saya. Oleh kerana saya tidak kudus kerana rahsia saya yang tiada penyelesaian, saya melihat tiada sebab untuk saya menyusahkan Engkau.

Sekarang saya sudah tidak dapat tahan dengan tekanan dalam fikiran saya lagi ... saya mohon ya Tuhan, bolehkah saya meminta untuk satu mukjizat di dalam kehidupan saya, kerana saya telah banyak kali mencuba, dengan pelbagai cara untuk menghentikan tabiat buruk saya tetapi telah berkali-kali gagal? Saya berfikir bahawa jika saya mengaku dosa-dosa saya di hadapan Engkau, saya akan serta-merta terlepas dari ketagihan ini. Untuk beberapa hari perasaan bersalah saya itu berkurang dan saya merasa lega. Tetapi perasaan lega itu tidak bertahan

lama. Saya kembali lagi kepada diri saya yang lama.

Ya Tuhan Yesus, jika Engkau adalah apa yang Engkau katakan di dalam Alkitab, bantulah saya! Saya berdoa dengan sepenuh hati... Lakukanlah apa yang Engkau mahukan dengan saya. Tunjukkanlah kepada saya siapa Diri-Mu supaya saya dapat lari ke pangkuan dan pelukan-Mu, dan mempercayai Engkau seperti seorang kanak-kanak kecil. Saya mahu bebas dan merasa segar sekali lagi untuk memulakan semula kehidupan saya sebagai anak-Mu yang hilang, dan mahu menjadi milik-Mu sahaja. Dalam nama Yesus saya berdoa.

Anak-Mu,

---

(nama anda)

Jika anda benar-benar bermaksud apa yang anda doakan, nantikan Dia untuk menyatakan Diri-Nya kepada anda...

Semoga damai sejahtera Tuhan kita Yesus Kristus melindungi anda, kasih-Nya melingkupi anda dan hadirat-Nya akan bersama dengan anda sekarang dan selama-lamanya. Amin.

### Rujukan

- 1 David Wilkerson, *Beyond the Cross And The Switchblade* (Hodder & Stoughton Limited, 1975)
- 2 Lee Bee Teik, *Deepening Joy* (SUFES 1993, Pustaka FUFESS Sdn Bhd 1994)
- 3 David Wilkerson, *Beyond the Cross And The Switchblade* (Hodder & Stoughton Limited, 1975)
- 4 Lee Bee Teik, *Masa Remaja* (Wawasan Penabur Sdn Bhd, 2012)
- 5 Lee Bee Teik, *Kebebasan Dan Keakhlakan* (Wawasan Penabur Sdn Bhd, 2012)
- 6 D.A. Seamands, *Freedom From The Performance Trap* (Victor Books, Scripture Press Publications, 1985)
- 7 David Wilkerson, *Beyond The Cross And The Switchblade*, Bab 8 (Hodder & Stoughton Limited, 1975)